

1. PENDAHULUAN

Statistik yang dikeluarkan dalam laporan ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kajian ini menyediakan data anggaran jumlah kerugian dan kerosakan akibat bencana banjir yang melanda negara pada bulan November 2022 hingga Januari 2023.

Nota teknikal ini merangkumi penerangan yang terperinci bagi membantu pengguna untuk memahami dengan lebih mendalam berkaitan kajian dan laporan ini.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dijalankan oleh DOSM ini adalah untuk menganggar jumlah kerugian dan kerosakan akibat bencana banjir yang melanda negara pada bulan November 2022 hingga Januari 2023. Kerugian ini meliputi nilai kerosakan tempat kediaman, harta benda dalam tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan dan perindustrian.

Selain daripada itu, anggaran kerosakan nilai industri pertanian, aset awam dan infrastruktur juga turut dinilai menggunakan maklumat yang diumumkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

3. KUASA PERUNDANGAN

Maklumat yang dikumpul melalui kajian ini adalah mengikut peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Seksyen 6 dibawah Akta ini mengkehendaki mana-mana individu perlu memberikan butiran maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada DOSM. Sementara itu, Seksyen 7 dalam Akta yang sama memperuntukan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama dalam pelaksanaan penyiasatan oleh DOSM. Mengikut Akta ini, maklumat terperinci yang dikumpul adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.

4. SKOP KAJIAN

Skop kawasan kajian ini adalah meliputi semua negeri yang terkesan dengan banjir besar iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak dan W.P Kuala Lumpur.

5. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Ver.1.0. MSIC 2008 adalah selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4, United Nations dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

6. SUMBER DATA DAN KAEDAH KAJIAN

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah banci secara bersemuka, pemerhatian dan telefon. DOSM juga menggunakan data pentadbiran yang diambil daripada pelbagai agensi. Antaranya dari pegawai daerah selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (NADMA), Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Ini membolehkan DOSM mengumpul data yang lebih komprehensif.

Bagi kajian kes, dua jenis soal selidik digunakan iaitu soalan yang terperinci (60 variabel) dan soalan ringkas (6 variabel). Bagi soalan ringkas ini, teknik analisis data raya digunakan untuk membuat inferens. Soalan-soalan terperinci dan ringkas berkenaan meliputi tempat kediaman dan premis perniagaan. Kerja luar kajian kes telah bermula pada minggu pertama November 2021 sehingga minggu pertama Januari 2023.

7. TEKNIK PENGANGGARAN

- i. DOSM menggunakan maklumat-maklumat dari survei yang dikumpul iaitu jenis aktiviti perniagaan, pendapatan perniagaan sebulan, bilangan pekerja, jenis bahan binaan premis perniagaan, tahap kerosakan dan anggaran kerosakan premis perniagaan.
- ii. DOSM Negeri juga menggunakan local knowledge untuk membuat penganggaran yang reliable.
- iii. DOSM ibu pejabat mendapatkan bilangan Ketua Isi rumah terkesan banjir dari ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan).
- iv. DOSM ibu pejabat telah menggunakan maklumat-maklumat ini untuk menganggarkan impak banjir di kawasan-kawasan yang terlibat.

8. KONSEP DAN DEFINISI

8.1 Isi Rumah

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

8.2 Ketua Isi Rumah

Ketua isi rumah ditakrifkan sebagai seorang ahli biasa sama ada lelaki atau perempuan yang dianggap sebagai ketua oleh ahli isi rumah yang lain. Ketua isi rumah mesti seorang penerima pendapatan yang berumur 15 tahun dan ke atas.

8.3 Bilangan Penduduk

Penduduk disediakan menggunakan pendekatan bottom-up di mana penduduk dianggarkan mengikut negeri, umur satu tahunan, kumpulan etnik dan jantina terlebih dahulu. Hasil tambah penduduk mengikut negeri ini akan menghasilkan jumlah penduduk Malaysia.

8.4 Tenaga Buruh

Tenaga buruh merujuk kepada mereka yang berumur 15-64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir) semasa minggu rujukan, sama ada bekerja atau menganggur.

8.5 Bekerja

Bekerja merujuk kepada semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Juga dianggap sebagai bekerja ialah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja. Termasuk juga mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

8.6 Pekerjaan

Pekerjaan bagi kajian ini dikelaskan mengikut klasifikasi Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 berasaskan International Standard Classification of Occupations (ISCO - 08) tetapi ditambahbaik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pengelasan pekerjaan berasaskan MASCO 2013 adalah seperti berikut:

- 1 – Pengurus
- 2 – Profesional
- 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
- 4 – Pekerja sokongan perkeranian
- 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
- 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan
- 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
- 8 – Operator loji dan mesin serta pemasang
- 9 – Pekerjaan asas

8.7 Kumpulan etnik

Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

a) Warganegara Malaysia

- i. Bumiputera
- ii. Cina
- iii. India
- iv. Lain-lain

b) Bukan warganegara Malaysia

8.9 Kategori Kerosakan

Terdapat tiga (3) jenis kategori kerosakan yang dinyatakan dalam laporan ini iaitu:

- i. Teruk - Jika rumah tidak boleh didiami dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi/ancaman tanah runtuh
- ii. Sederhana - Jika rumah memerlukan kos pembaikan yang sederhana
- iii. Tidak teruk - Jika rumah memerlukan kos pembaikan yang minima

9. PERBUNDARAN ANGGARAN

Pengiraan bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama antara jadual disebabkan oleh pembundaran secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak ketara.

Peratus yang ditunjukkan dalam jadual adalah diperolehi daripada angka sebenar dan tidak semestinya memberikan jumlah genap 100 peratus disebabkan pembundaran, walaupun jumlah yang ditunjukkan adalah 100 peratus.

10. NOTA DAN SIMBOL

0.0	Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus
-	Tiada/kosong/tiada kes
W.P.	Wilayah Persekutuan
RM	Ringgit Malaysia
n.a.	Tidak berkenaan
n.s.	Tidak signifikan